

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)**ADAB BERKOMUNIKASI WATAK DALAM *HIKAYAT KHOJA  
MAIMUN******THE ADAB OF COMMUNICATION IN CHARACTERS OF HIKAYAT KHOJA  
MAIMUN***Rahimah Hamdan<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia  
Email: rahimahh@upm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:****Article history:**

Received date: 19.01.2021

Revised date: 30.01.2021

Accepted date: 2.02.2021

Published date: 01.03.2021

**To cite this document:**

Hamdan, R. (2021). Adab Berkomunikasi Watak Dalam *Hikayat Khoja Maimun*. International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 4 (13), 09-23.

DOI: 10.35631/IJHPL.413002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja masih belum menemui definisinya yang tepat dalam korpus Kesusasteraan Melayu Moden. Sehubungan itu, karya-karya yang wataknya terdiri daripada golongan dewasa terus dinikmati oleh kanak-kanak sehingga akhirnya merumitkan pendefinisian kesusasteraan kanak-kanak itu. Maka, banyak karya-karya folklor Barat seperti Cinderella, Rapunzel dan beberapa yang lain menjadi tumpuan bacaan kanak-kanak di Malaysia. Sesuatu perlu dilakukan agar bahan bacaan yang menepati nilai ketimuran dan keislaman dihidangkan kepada golongan muda ini. Bermula dari sinilah, Kesusasteraan Hikayat menerusi teks *Hikayat Khoja Maimun* yang kaya dengan adab dan pengajaran perlu diketengahkan untuk menggantikan cerita folklor Barat tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti watak-watak yang berkomunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun* dan menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak tersebut berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam Surah Luqman. Metodologi kajian adalah secara analisis teks dengan tiga aktiviti utama bagi menyelesaikan objektif kajian iaitu menjelaskan watak yang berkomunikasi dalam teks *Hikayat Khoja Maimun*, mengenalpasti kerangka untuk menganalisis adab komunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun* dan menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak utama berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam Al Quran menerusi Surah Luqman iaitu menerusi panggilan, perlawanan, pengulangan, penjelasan, perhatian dan pemilihan idola. Dapatan kajian adalah *Hikayat Khoja Maimun* menepati enam (6) adab berkomunikasi dalam Surah Luqman. Ini bermakna menerusi komunikasi yang beradab, segala urusan dapat dilalui dengan mudah dan menemui kejayaan. Inilah yang cuba dibuktikan dalam *Hikayat Khoja Maimun* sebagai salah sebuah karya dalam Sastera Hikayat yang berfungsi bukan sahaja memberi pengajaran tetapi menghibur khalayaknya. Justeru, sudah sampai masanya bahan bacaan kanak-

kanak di Malaysia ini digantikan dengan khazanah yang diwarisi sejak turun-temurun dan bukannya bergantung kepada folklor Barat yang jauh menyimpang daripada adab ketimuran apatah lagi nilai-nilai keislaman.

**Kata Kunci:**

Adab, Komunikasi, Sastera Hikayat, *Hikayat Khoja Maimun*, Surah Luqman

**Abstract:**

Children and Adolescent Literature have yet to find its precise definition in the corpus of Modern Malay Literature. In this regard, the works whose characters consist of adults continue to be enjoyed by children until they eventually complicate the definition of Children's Literature. Thus, many Western folklore works such as Cinderella, Rapunzel, and others have become the focus of children's reading in Malaysia. Something needs to be done so that reading materials that encounter the East and Islamic values are served to these young people. Therefore, Hikayat Literature through the text of the Hikayat Khoja Maimun needs to be highlighted to replace Western folklore. The objective of this study is to identify characters that communicate in Hikayat Khoja Maimun and analyze the adab of communicating between the characters based on six (6) communication methods in Surah Luqman. The methodology of the study is by text analysis with three main activities to complete the objective of the study which is; to explain the character that communicates in the text of Hikayat Khoja Maimun, to identify the framework for analyzing the communication in Hikayat Khoja Maimun and to analyze the communication between the main characters based on six (6) methods of communication in the Quran through Surah Luqman i.e. through the call, symbolism, repetition, explanation, attention, and selection of idols. The study found that Hikayat Khoja Maimun reserved six (6) adab communicating in Surah Luqman. This denotes that through well-mannered communication, all matters can be delivered easily and successfully. Indeed, Hikayat Khoja Maimun as one of the works in Malay Hikayat Literature serves not only to teach but also to entertain the audience. Finally, it is time that the child reading material in Malaysia being replaced by the magnum opus inherited from generations rather than relying on Western folklore which is far deviating the audience from adab and desired values.

**Keywords:**

Adab, communication, Malay Hikayat Literature, *Hikayat Khoja Maimun*, *Surah Luqman*

**Pengenalan**

Realitinya, Sastera Kanak-kanak dan Remaja masih belum mempunyai definisi dan ciri yang kukuh dalam korpus kesusasteraan (Hunt 1992; Reynolds 2011; Anderson 2012). Sebagaimana pendapat McClure, Garthwait, dan Kristo (2014), 'Sastera Kanak-kanak' adalah segala bahan yang dipenuhi dengan ilustrasi sama ada berbentuk buku bergambar, puisi, buku elektronik meliputi semua genre dalam sastera. Manakala menurut Hunt (1999), jika terminologi 'sastera' sendiri mengelirukan maka gabungannya dengan istilah 'kanak-kanak' tambah sukar untuk dijelaskan secara tepat. Ini ditambah dengan perspektif kanak-kanak terhadap definisi 'sastera' yang sentiasa mengalami perubahan bergantung kepada lokasi dan masa sesuatu karya dihasilkan (Hunt 1999). Misalnya novel pertama kanak-kanak di Britain pada 1865 bertajuk *Alice's Adventures in Wonderland* oleh Charles Dodgson (dengan nama penanya Lewis

Carroll) sekadar untuk menghiburkan golongan tersebut tanpa memberi pengajaran yang sewajarnya (Thacker dan Webb 2002:6). Penampilan watak-watak binatang yang boleh bercakap, semua benda hidup seperti manusia dan yang lebih mengasyikkan apabila manusia mampu bertukar saiz untuk masuk ke alam fisyen itu berjaya menambat hati kanak-kanak sehingga novel tersebut terkenal di seluruh dunia. Ini bermakna secara psikologinya, kanak-kanak amat menyukai cerita-cerita yang dipenuhi unsur fantasi, aksi serta pengembaraan. Maka tidak hairanlah tajuk-tajuk seperti *Robinson Crusoe*, *Gulliver's Travel*, *Wind in the Willows* dan beberapa yang lain yang awalnya disasarkan kepada golongan dewasa tetapi mendapat tempat di hati kanak-kanak terutamanya di Barat. Ini diperkuatkan oleh McClure, Garthwait, dan Kristo (2014) bahawa sastera kanak-kanak asasnya dikarang hasil ilham beberapa genre seperti, "*Fiction, Traditional Literature, Fantasy and Science Fiction, Historical Fiction, Contemporary Realistic Fiction, Non-Fiction and Biography*".

Sehubungan itu, Kesusasteraan Melayu Tradisional yang merupakan hasil keintelektualan pengarang terdahulu wajar didedahkan serta diperkenalkan kepada generasi muda ini disebabkan oleh ketiadaan ciri khusus dalam definisi 'sastera kanak-kanak dan remaja'. Apatah lagi, kanak-kanak di Malaysia khususnya sentiasa dihidangkan dengan cerita-cerita folklor Barat seperti *Cinderella*, *Snow White and Seven Dwarfs*, *Beauty and the Beast* (Hadijah Rahmat 2006; Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi 2011: 71).

Persoalannya, adakah cerita-cerita folklor Barat yang sarat dengan unsur percintaan dan adegan-adegan romantik berbau seksual ini sesuai dibaca oleh golongan muda yang jelas berlawanan dengan kehendak agama dan norma masyarakat Timur? Apakah tiada karya-karya lain daripada korpus Kesusasteraan Melayu terutama Kesusasteraan Melayu Tradisional yang dapat mengisi kekosongan ini? Apakah karya-karya ini mampu membina akhlak apatah lagi adab kepada kanak-kanak yang merupakan khalayak utamanya? Maka berteraskan kepada persoalan-persoalan di atas, kajian ini akan meneliti genre Kesusasteraan Hikayat yang digunakan sebagai bahan kajian. Kajian hanya akan memfokuskan kepada Hikayat Berbingkai atas justifikasi keunikannya yang mengandungi 'cerita dalam cerita', penuh dengan elemen adab terutama dalam tatacara berkomunikasi serta kurang mendapat perhatian kalangan pengkaji sastera dan Alam Melayu. Bertitik-tolak daripada sinilah, objektif kajian dibentuk iaitu untuk:

- i. Mengenalpasti watak-watak yang berkomunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun*; dan
- ii. Menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak tersebut berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam Surah Luqman.

Secara tidak langsung, kajian ini dapat memperkukuhkan hubungan antara sastera kanak-kanak dengan Kesusasteraan Melayu Tradisional dan menolak penerusan bahan stereotaip daripada folklor Barat yang telah lama menjadi bacaan utama kanak-kanak di Malaysia. Akhirnya dapat membuktikan bahawa hubungan kedua korpus ilmu ini saling berkesinambungan dan saling melengkapkan antara satu sama lain.

### Sorotan Kajian

Kolonial Belanda dan British pada zaman penjajahan mereka di Alam Melayu telah banyak mengumpul dan mengambil manuskrip-manuskrip Melayu untuk di bawa pulang ke negara mereka. Ini adalah antara usaha mereka untuk mengenali *world view* dan etos masyarakat Melayu agar memudahkan proses penjajahan mereka. Sehubungan itu, antara karya-karya yang terdapat di perpustakaan Leiden University, British Library atau School of Oriental and

African Studies, University of London adalah khazanah sastra kanak-kanak yang tersimpan rapi hasil koleksi dan kajian beberapa sarjana kolonial seperti Stamford Raffles, William Farquhar, W.E. Maxwell, H.C. Klinkert, van Ophuysen, Snouck Hurgronje, R.O. Winstedt dan beberapa yang lain (Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi 2018). Ini membuktikan bahawa sedari awal lagi, kajian mengenai sastra kanak-kanak tanahair telah terlebih dahulu dimulakan oleh para orientalis ini walau ianya tidak benar-benar menjurus kepada genre tersebut secara tuntas.

Meneliti kajian sastra kanak-kanak pelbagai perspektif oleh beberapa pengkaji tanahair, didapati tidak banyak direkodkan pada awal dan pertengahan abad ke-20. Hanya nama-nama seperti Salmah Ayob (1981), Nijhar (1984) dan Sulaiman Masri (1984) [sekadar menyatakan beberapa nama] melakukan kajian berfokus kepada kaedah dan kesan pendidikan kepada kanak-kanak. Namun pada era ke-21, kemunculan ramai pengkaji yang terdiri daripada para sarjana dan pelajar pasca siswazah membayangkan bahawa penyelidikan sastra kanak-kanak secara saintifik mula mendapat tempat dalam kalangan generasi muda. Nama-nama seperti Othman Puteh (2000), Izzah Abdul Aziz (2000; 2001), Misran Rokimin (2001), Mohd. Sharif Mohd.Saad dan Alimah Salam (2001), Faridah Samsudin (2003), Hadijah Rahmat (2006), Mahzan Arshad (2006), Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi dan Lily Salwani Razali (2011), Siti Zuhaidah Zakaria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2014), Arba'ie Sujud *et.al* (2014), Fazilah Abu Bakar dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2016), Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi (2016), Rohaya Mohd.Ali (2018) dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi *et.al.* (2018) [sekadar menyebut beberapa nama] adalah antara pengkaji yang menjurus kepada pengkajian genre ini secara komprehensif.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, tiada kajian yang khusus menyorot kepada Kesusasteraan Melayu Tradisional sebagai bahan utama kepada pengkajian sastra kanak-kanak terutama Hikayat Berbingkai. Apatah lagi, kajian mengenai adab berkomunikasi dalam genre ini belum pernah dilakukan. Hanya Sara Beden (2018) yang menggunakan bahan kajian Hikayat Berbingkai iaitu *Hikayat Khoja Maimun* tetapi dalam konteks 'perancangan bestari' dengan aplikasi pendekatan pengurusan Mohamad Mokhtar terhadap teks tersebut. Manakala Rahimah Hamdan dan Siti Nor Harmiza Ibrahim (2019) pula lebih mengkaji adab dalam konteks raja dan pemerintahannya dengan membandingkan karya epik *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dengan karya ketatanegaraan Melayu tersohor iaitu *Taj Us Salatin (Mahkota Raja-raja)*.

Meneliti kajian mengenai adab berkomunikasi berdasarkan AlQuran (khususnya *Surah Luqman*) telah dilakukan oleh Khairul Azhar Meerangani (2017) yang menekankan kepada kaedah pembentukan karektor anak-anak. Safinah Ismail (2018) pula memfokuskan kepada peranan 'bapa' dalam menasihati anak-anak serta Safinah Ismail *et. al* (2019) yang menghuraikan adab komunikasi dalam institusi kekeluargaan. Penelitian mendapati bahawa tiada satupun diterapkan atau menggunakan teks dalam Kesusasteraan Melayu apatah lagi Sastra Berbingkai seperti *Hikayat Khoja Maimun* sebagai bahan kajian. Bertitik-tolak dari sinilah, kajian ini dilakukan terutama dalam membuktikan bahawa Kesusasteraan Melayu Tradisional perlu diperluaskan penerapannya sebagai bahan kreatif kepada sastra kanak-kanak khususnya. Apatah lagi Hikayat Berbingkai merupakan genre yang bersumberkan karya internasional berpengaruh Hindu dan Arab-Parsi, diadun dengan kebijaksanaan lokaliti pengarang Melayu yang tidak patut dilupakan sementelah dibiarkan lapuk ditelan zaman.

## Metodologi

Kertas kerja ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap *Hikayat Khoja Maimun* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 2000 diselenggarakan oleh Abdul Rahman Kaeh. Karya ini berteraskan sebuah naskhah milik Perpustakaan Universiti Leiden di Belanda dengan pedoman rujukan KL16, antara ratusan naskhah koleksi C. Klinkert. Asalnya teks ini bersumber daripada *Kitab Sukasaptati* dalam bahasa Sanskrit di mana versi panjangnya telah diterjemahkan oleh Wortham dalam Bahasa Inggeris bertajuk *The Enchanted Parrot, being a Selection from the Suksaptati or The Seventy Tales of a Parrot* serta satu versi pendek edisi R. Schmidt (Abdul Rahman Kaeh 2000: xiii). Kepopularan ceritanya menyebabkan terjemahan dilakukan dalam pelbagai bahasa seperti Parsi, Hindustan, Inggeris dan pelbagai lagi termasuklah bahasa Melayu. Keintelektualan pengarang Melayu mengarang semula karya bersifat internasional ini menyebabkan terhasillah *Hikayat Khoja Maimun*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Hikayat Khoja Mubarak* dan *Cerita Taifah*. Digelar sebagai Hikayat Berbingkai kerana karya ini bersandarkan kepada satu karya dasar dengan beberapa cerita sisipan yang lain. Misalnya *Hikayat Khoja Maimun* ini mengandungi 26 cerita sisipan yang melingkarinya menjadikan teks ini sempurna jalan cerita pada akhirnya.

Maka, untuk menyelesaikan objektif pertama iaitu mengenalpasti watak-watak yang berkomunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun*, maka aktiviti –aktiviti yang dijalankan adalah:

- i. Menjelaskan watak yang berkomunikasi dalam teks *Hikayat Khoja Maimun*; dan
- ii. Mengenalpasti kerangka untuk menganalisis adab komunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun*.

Objektif kedua kajian iaitu menganalisis adab berkomunikasi antara watak-watak utama berdasarkan enam (6) kaedah komunikasi dalam Al Quran menerusi Surah Luqman (Khairul Azhar Meerangani 2017). Walau surah ini menitik-beratkan nasihat ibubapa kepada anaknya, namun kajian akan menggunakan pendekatan ini kerana *Hikayat Khoja Maimun* lebih memerihalkan nasihat sebagai elemen penting untuk membimbing yang amat tepat diselesaikan menggunakan enam (6) kaedah berkomunikasi berdasarkan Sural Al-Luqman ini.

## Analisis dan Dapatan Kajian

Karya kesusasteraan adalah hasil intelektual pengarang yang serba indah dan sarat dengan fungsi mendidiknya kepada khalayak. Malahan, sastera juga dianggap sebagai medium penjaga peradaban dan penghimpun ajaran yang dapat mendidik manusia dengan adab yang harus dikekalkan agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang (Samsudin A. Rahim 2001). Bersesuaian dengan agama Islam sebagai agama yang ‘mendefinisikan’ Melayu, sastera dikenali sebagai ‘al-adabi’ iaitu sastera yang datang daripada jiwa yang halus (beradab) dan bertujuan mendidik serta mengasuh hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga jiwa mereka turut menjadi halus dan lembut (Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi 2015: 184). Sebagaimana pendapat Syed Muhammad Naquib al-Attas (2001: 54) bahawa sekiranya sastera adalah ‘al-adabi’ maka insan yang beradab (adabi) pastinya digelar ‘insan adabi’. Ini bermakna ‘adab’ mengambil kira unsur-unsur keilmuan, kerohanian dan akhlak seperti yang telah digunakan oleh Rasulullah S.A.W dan para ilmuwan terdahulu iaitu:

“Pengenalan dan pengiktirafan hakikat bahawa ilmu dan segala yang wujud teratur bertingkat-tingkat mengikut martabat dan darjatnya masing-masing. (Serentak dengan itu) adab juga ialah pengenalan dan pengiktirafan tempat yang wajar bagi seseorang berhubung dengan hakikat tersebut serta dengan kebolehan dan potensi

jasadi, akli dan rohani diri masing-masing”.

(Al-Attas 2001: 54)

Manakala ‘komunikasi’ menurut Gamble dan Gamble (2013: 2) adalah satu proses yang melibatkan transformasi makna secara perlahan-lahan atau tanpa disengajakan iaitu, “*One person does or says something, thereby engaging in symbolic behavior, while others observe what was done or said and attribute meaning to it. Whenever you observe or give meaning to behavior, communication is taking place*”. Ini membawa kepada ‘komunikasi interpersonal’ iaitu satu proses di mana pertukaran informasi, perasaan dan makna secara verbal atau buka-verbal antara satu dengan yang lain atau dengan kata lain ia adalah komunikasi dua hala. Komunikasi dua hala ini melibatkan nada suara, ekspresi muka, pergerakan dan bahasa badan. Gamble dan Gamble (2013: 3) menghuraikannya seperti di bawah:

*“The fact that interpersonal communication takes two people means that it is indivisible. Without the second person, interpersonal communication is impossible. Thus, the parties to interpersonal communication are a duo: a couple, a pair, or perhaps adversaries. From an interpersonal perspective, even groups of three or more individuals are viewed as composites of dyads, effectively serving as the foundations for separate pairings and potential coalitions. Without a dyad, a relationship does not exist, and without a relationship there is no interpersonal communication”.*

Kajian ini tidak akan menggunakan konsep komunikasi interpersonal secara rinci tetapi sekadar ingin menerangkan bahawa berlaku adab berkomunikasi menerusi teks *Hikayat Khoja Maimun*. Secara ringkasnya, teks ini yang mengisahkan mengenai Khoja Maimun seorang pedagang yang terpaksa meninggalkan isteri jelitanya bernama Bibi Zainab seorang diri dan mengamanahkan dua ekor burung peliharaannya iaitu burung Tiung dan burung Bayan untuk menjaga isterinya itu. Walau bagaimanapun, Bibi Zainab pada suatu hari telah jatuh hati dengan seorang anak raja yang lalu di tepi rumahnya sehingga akhirnya menyebabkan beliau ingin keluar bertemu dengan kekasihnya itu. Halangan secara keras oleh burung Tiung menyebabkan Bibi Zainab membunuhnya dan bermula dari situ, burung Bayan mula mengambil iktibar daripadanya. Amanah yang diberi oleh Khoja Maimun perlu ditunaikan dan bermulalah burung Bayan memulakan komunikasinya secara beradab dengan Bibi Zainab. Dengan metod bercerita menggunakan 26 cerita (cerita sisipan) maka, Bibi Zainab dapat dihalang daripada melakukan maksiat dan akhirnya maruah diri serta keluarganya dapat diselamatkan daripada tercemar.

### **i) Watak yang berkomunikasi dalam teks *Hikayat Khoja Maimun***

Berdasarkan *Hikayat Khoja Maimun*, terdapat dua watak utama yang mendasari cerita pokok iaitu burung Tiung dan burung Bayan.

#### **a) *Burung Tiung***

Teks ini memaparkan beberapa episod dari awal komunikasi antara beberapa watak yang dalam cerita dasar dan bagaimana watak-watak tersebut berinteraksi pada akhir setiap cerita sisipan diperdengarkan. Misalnya pada awal cerita dasar ditemui burung Tiung yang cuba menegur secara telus tanpa diplomasi kepada Bibi Zainab ketika beliau ingin keluar menemui

kekasihnya. *Hikayat Khoja Maimun* (2000: 7) memperlihatkan tindakan Burung Tiung yang begitu emosional ketika menjawab pertanyaan Bibi Zainab seperti petikan berikut:

“Setelah Tiung itu mendengar kata Bibi Zainab, maka **dia pun menampar-nampar dadanya** seraya berkata, “Ayuhai Tuan Siti yang baik rupa! **Pekerjaan apakah yang tuan hamba kerjakan ini? Tidakkah takut kepada Allah dan malu akan Nabi s.a.w.** Maka tuan hendak mengerjakan yang maksiat lagi larangan Allah Taala, ditegahkan Rasulullah istimewa pula sangat kejahatannya itu, tiada wajib atas segala perempuan yang mulia mengerjakan pekerjaan yang demikian itu. **Tidakkah tuan mendengar hadis?** Barang siapa perempuan menduakan suaminya bahawa sesungguhnya dimasukkan malaikat ke dalam neraka jahanam seribu tahun lamanya, dan lagi **tidakkah tuan malu samanya makhluk di dalam dunia ini?** Sabarlah tuan hamba dahulu, In shaa Allah Taala tuan yang laki-laki pun sangat cepat juga akan datang. Jikalau diketahuinya kelak **tiadakah tuan malu dan mati dibunuhnya?** Alangkah aib nama tuan tersebut pada sekalian alam ini”.

Kelakuan burung Tiung yang menampar-nampar dada melambangkan tindakan tidak berpuas hati dan marah yang amat sangat sehingga sanggup menyakitkan diri. Apatah lagi terdapat beberapa ayat yang berbentuk soalan yang mampu merendahkan maruah seseorang seolah-olah kelihatan terlalu dangkal iman dan ilmunya. Misalnya ayat seperti:

1. Pekerjaan apakah yang tuan hamba kerjakan ini?
2. Tidakkah takut kepada Allah dan malu akan Nabi s.a.w.
3. Tidakkah tuan mendengar hadis?
4. Tidakkah tuan malu samanya makhluk di dalam dunia ini?

Berdasarkan ayat-ayat di atas, didapati tiga (3) kali perkataan ‘tidak’ digunakan dalam teks ini yang menggambarkan betapa negatifnya persoalan yang diajukan oleh burung Tiung kepada Bibi Zainab. Persoalan-persoalan inilah yang membangkitkan kemarahan Bibi Zainab sehingga dibunuhnya Tiung tersebut. Bermula dari sinilah, burung Bayan mula belajar mempertahankan diri, melepaskan diri daripada dibunuh dan sekaligus menjalankan amanah yang diberi oleh Khoja Maimun dengan sebaiknya.

#### **b) Burung Bayan**

Beberapa adab komunikasi burung Bayan ditemui dalam teks ini (*Hikayat Khoja Maimun* 2000:7-8) bermula dengan bercakap bohong dan memburukkan individu lain untuk melepaskan dirinya iaitu:

“Hai Siti yang mulia yang sangat elok paras! Jikalau demikian **baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu**, kerana tuan sudah berjanji dengan dia, supaya jangan kedapatan kata kepada anak-raja itu kelak. **Tuan pun sangat bebal bertanya kepada Tiung itu daripada sebab dia pun ingin juga, bagaimanapun adalah dengkinya juga akan tuannya [...]** Adapun akan bahagian hamba ini haraplah tuan jikalau kejahatan sekalipun pekerjaan tuan, In shaa Allah di atas hamba membaikkan dia. [...] **Baiklah tuan segera pergi! Kalau-kalau sudah tiba anak raja itu menanti tuan daripada hamba pun sangat hendak berbual [...]**

**Baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu** tetapi dengan ikhtiar juga”.

Burung Bayan didapati lebih berdiplomasi dalam berkomunikasi. Ini ditunjukkan oleh penggunaan ‘baiklah’ (sebagai galakan) dalam perbualannya memujuk dengan Bibi Zainah daripada terus melakukan perbuatan maksiat itu seperti berikut:

1. Baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu
2. Baiklah tuan segera pergi
3. Baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu

Rentetan daripada pernyataan di atas, membuktikan bahawa burung Bayan lebih menggunakan diplomasi dalam berbicara dengan Bibi Zainab. Ini disebabkan beliau dapat dapat menjangkakan bentuk hukuman yang bakal diterima sekiranya dia bercakap benar tanpa didahului dengan ayat-ayat pujukan kepada Bibi Zainab. Oleh kerana itulah, frasa ‘baiklah’ diulang-ulang penggunaannya dengan tujuan tertentu oleh burung Bayan demi menyelamatkan dirinya.

## **ii) Kerangka adab berkomunikasi**

Adab berkomunikasi dinyatakan dalam Al-Quran menerusi Surah al-Nahl (16: 125) bahawa, “Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik”. Sayyid Qutb (1988) menambah bahawa komunikasi secara berhikmah memerlukan kepada pemerhatian dan penelitian terhadap situasi dan realiti semasa golongan sasaran menggunakan teknik komunikasi yang bersesuaian dan berkesan. Kaedah nasihat pula diaplikasikan melalui komunikasi secara lemah-lembut yang mampu meresap ke dalam hati manusia dan bukannya melalui ancaman dan tegahan yang boleh mengaibkan mereka atas segala tindakan yang dilakukan (Khairul Azhar Meerangani 2017). Justeru, berdasarkan al-Quran didapati adab berkomunikasi dengan jelas dinyatakan dalam Surah Luqman (ayat 13 sehingga 19). Surah ini menggariskan 6 adab komunikasi berkesan iaitu menerusi panggilan, perlambangan, pengulangan, penjelasan, perhatian dan pemilihan idola seperti penerangan di bawah ini.

## **iii) Adab berkomunikasi dalam Surah Luqman dengan *Hikayat Khoja Maimun***

Karya sastera merupakan hasil karya dengan bahasa yang indah dan isinya yang bermanfaat kepada khalayaknya. Berdasarkan Al-Quran dalam Surah Luqman, ‘panggilan’ atau sapaan merupakan aspek yang penting dalam adab berkomunikasi. Ini digambarkan bagaimana Luqman memulakan perbualan dengan anaknya menggunakan panggilan manja yang memperlihatkan perasaan cinta dan keprihatinan seorang bapa kepada anaknya (Khairul Azhar Meerangani 2017). Nyata, panggilan yang lembut ini mampu meresap terus ke hati anak-anak sehingga memudahkan mereka untuk mendengar dan mentaati perintah daripada kedua ibu bapanya (Abd al-Mun’ain, 1995). Luqman telah menggunakan panggilan manja tersebut kepada anaknya sebanyak 3 kali iaitu pada ayat 13, 16 dan 17. Hal ini menunjukkan bahawa panggilan manja tersebut bukanlah suatu kebetulan sahaja sebaliknya mencerminkan ketelitian Luqman dalam memilih panggilan yang sesuai bagi menarik perhatian anaknya (Khairul Azhar Meerangani 2017). Meneliti *Hikayat Khoja Maimun* didapati, beberapa kali ‘panggilan’ atau sapaan manja diketengahkan dalam teks terutamanya panggilan burung Bayan kepada Bibi Zainab dalam usaha memujuknya agar tidak lalai dan melupakan pertemuan dengan anak raja



itu seperti petikan di bawah:

“Hai Siti **yang mulia yang sangat elok paras!**” (*Hikayat Khoja Maimun* 2000:7)

“Hai tuan yang **amat bijaksana dan paras yang amat gemilang**” (*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 75).

Ini menunjukkan betapa panggilan atau sapaan sebagai adab penting dalam berkomunikasi dinyatakan secara jelas dalam teks. Secara tidak langsung membuktikan bahawa ‘panggilan’ sangat dititikberatkan sebagai salah satu adab dalam berkomunikasi berkesan. Hasilnya, kecurangan yang bakal dilakukan oleh Bibi Zainab dapat dibendung secara berhikmah menggunakan adab komunikasi yang sesuai.

Adab berkomunikasi yang seterusnya adalah menggunakan kaedah perlambangan agar sesuatu nasihat itu lebih dekat dan mudah difahami oleh golongan sasaran. Ini dibuktikan menerusi ayat 18 apabila Luqman mengingatkan anaknya adab sesama manusia terutama menjaga laras bahasa dan nada suara ketika berbicara iaitu, “Dan janganlah kamu memalingkan mukamu daripada manusia (kerana sombong) dan janganlah berjalan di bumi dengan berlagak sombong”. Luqman juga melarang anaknya daripada meninggikan suara ketika berkata-kata dengan membandingkan perbuatan tersebut seperti suara regekan keldai. Ini dinyatakan dalam Surah Luqman (31:19) iaitu, “Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai”. Inilah yang dilakukan oleh burung Bayan sewaktu berkomunikasi dengan Bibi Zainab. Kaedah perlambangan yang diterapkan dalam Surah Luqman menepati adab berkomunikasi dalam *Hikayat Khoja Maimun*. Petikan di bawah menjelaskan bagaimana burung Bayan menggolongkan Bibi Zainab sebagai individu yang ‘bebal’ kerana bertanya untuk keluar kepada burung Tiung yang diketahui cabul mulutnya ketika berbicara. Seharusnya Bibi Zainab terus bertanya kepadanya kerana menurut beliau, walau sejahat manapun pekerjaan yang ingin dilakukan oleh tuannya (Bibi Zainab), burung Bayan akan setia memulihkan keadaan dan sentiasa bersamanya seperti petikan di bawah:

Jikalau demikian **baiklah tuan segera pergi mendapatkan anak raja itu**, kerana tuan sudah berjanji dengan dia, supaya jangan kedapatan kata kepada anak-raja itu kelak. **Tuan pun sangat bebal bertanya kepada Tiung itu daripada sebab dia pun ingin juga, bagaimanapun adalah dengkinya juga akan tuannya [...]** Adapun akan bahagian hamba ini haraplah tuan jikalau kejahatan sekalipun pekerjaan tuan, In shaaAllah di atas hamba membaikkannya dia.[...] **Baiklah tuan segera pergi!**”

(*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 7-8)

Ini bermakna, kaedah ‘perlambangan’ sebagai adab berkomunikasi sangat diterapkan dalam teks ini. Walau pada hakikatnya, burung Bayan sangat mengeji perbuatan Bibi Zainab namun beliau menggunakan adab berkomunikasi yang menekankan ‘perlambangan’ dalam percakapan sehingga menyebabkan Bibi Zainab teruja dan tidak meneruskan perbuatan curangnya itu. Apatah lagi, balasan daripada Burung Bayan perlu ditafsir dengan jelas kerana makna tersiratnya iaitu, “Baiklah segera tuan pergi bangat-bangat memimpin tangan suci ini, sekadar ingat-ingat tuan di jalan” dan “Sungguhpun hamba ini binatang **tetapi sangatlah ingin rasanya hati hamba hendak bertemukan tuan dengan anak raja itu**” (*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 75, 65). Inilah ayat-ayat ‘perlambangan’ yang memerlukan tafsiran lebih

mendalam. Secara tidak langsung, adab berkomunikasi secara ‘perlambangan’ mencirikan keunikan masyarakat Melayu yang kaya dengan kesantunan berbicara walau terselit sindiran yang disampaikan dengan penuh berhemah dan bijaksana.

Kaedah ‘pengulangan’ berkomunikasi dalam al-Quran yang diterapkan oleh Luqman kepada anaknya bertujuan memberi penekanan yang boleh mempengaruhi tingkahlaku seseorang individu. Berdasarkan Surah Luqman, larangan syirik serta saranan bersyukur kepada Allah SWT diulang-ulang oleh Luqman ketika menyampaikan nasihat kepada anaknya (Khairul Azhar Meerangani 2017). Sebagaimana yang dinyatakan dalam surah ini pada ayat ke-12 iaitu, “Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmah kepada Luqman iaitu bersyukur kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah) maka sesungguhnya dia bersyukur untuk dirinya sendiri”. Luqman turut mengulanginya pada ayat ke 14 ditambah dengan rasa bersyukur kepada ibu bapa.

Rentetan itu, penerapan ‘perulangan’ dalam *Hikayat Khoja Maimun* ditemui menerusi ‘pengulangan’ ayat “Belumkah tuan hamba bertemu laki-laki itu?” yang diulang beberapa kali sebagai penekanan kepada sindiran atas kecurangan Bibi Zainab kepada suaminya seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Pengulangan dalam *Hikayat Khoja Maimun***

Bil.	Ceritera dan halaman	Petikan
1.	(Ceritera kedua, hal. 16)	<b>“Belumkah tuan hamba bertemu laki-laki itu? [...]</b> Terlalu sangat bebalnya tuan ini maka maka tidak mahu bertemu dengan anak raja itu”.
2.	(Ceritera ketiga, hal. 24-25)	<b>“Belumkah lagi tuan hamba bertemu dengan anak raja itu?”</b>
3.	(Ceritera keempat, hal. 30-31)	<b>“Belumkah tuan bertemu pada malam tadi dengan yang diberahikan itu? [...]</b> Tiadalah hamba mahu hikayatkan oleh kerana <b>tuan hamba belum bertemu dengan tuan hamba itu”.</b>
4.	(Ceritera kelima, hal. 35-36)	<b>“Belumkah tuan bertemu dengan anak raja itu</b> pada malam tadi hai Siti yang amat bangsawan?”
5.	Ceritera keenam, hal. 39-40	<b>“Belum juga tuan bertemu dengan anak raja itu?</b> Pada sangka hamba tuan sudah tuan hamba bertemu malam tadi!”
6.	(Ceritera ketujuh, hal. 45)	<b>“Belumkah tuan hamba berjumpa dengan anak raja itu?</b> Kepada sangkaku, malam tadi sudah tuan hamba pergi dengan tuan berahikan itu?”

Sumber: (Hikayat Khoja Maimun 2000).

Berdasarkan Jadual 1 di atas, membuktikan bahawa ‘pengulangan’ ayat yang sama oleh burung Bayan kepada Bibi Zainab menunjukkan kesungguhan walau hakikatnya burung Bayan menentang perbuatan tersebut. Namun inilah adab berkomunikasi yang berkesan demi menghalang dirinya terbunuh sebagaimana yang dialami oleh burung Tiung akibat keceluparannya mengkritik secara telus.

Kaedah ‘penjelasan’ pula merupakan adab dalam komunikasi yang diterapkan dalam Al-Quran menerusi Surah Luqman. Dinyatakan bahawa setiap nasihat atau teguran oleh ibubapa kepada

anaknyanya perlu diberi penjelasan agar anak-anak faham sebab-musabab kepada nasihat atau teguran tersebut seperti terjemahan berikut:

“Dan Kami perintahkan kepada manusia (agar berbuat baik) kepada kedua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyusukannya dalam masa dua tahun”.

Ayat tersebut menerangkan betapa pentingnya sebagai seorang anak berbuat baik kepada kedua ibubapanya. Penjelasan kepada ‘berbuat baik’ ini adalah dengan mengambilkira kepayahan proses mengandung, membesarkan anak-anak dan segala pengorbanan ibubapa melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah SWT kepada mereka (Khairul Azhar Meerangani 2017). Maka, setiap ibu bapa perlu berusaha untuk memberikan penjelasan dalam setiap nasihat dan teguran yang diberikan kepada anak-anak dalam usaha memastikan agar setiap nasihat tersebut diterima dengan penuh kerelaan dan keterbukaan.

Meneliti *Hikayat Khoja Maimun* didapati, aspek ‘penjelasan’ penting dalam meneruskan urusan berkomunikasi secara berkesan. Misalnya dalam ceritera ke-12 (*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 71-72), dinyatakan bagaimana burung Bayan menegur Bibi Zainab ketika beliau ingin meneruskan hasrat bertemu dengan kekasih anak rajanya itu. Dalam tegurannya itu, burung Bayan menjelaskan bahawa tegurannya adalah untuk kebaikan dan menyamakannya dengan kisah Nabi Sulaiman yang turut mengikut nasihat binatang seperti berikut:

“Hai batu kepada hamba yang beriman lagi sempurna budi bicara dan bijaksana. **Adakah hamba melarang tuan hamba**, berkenankah hamba duduk menyusahkan tuan pergi **kerana sebab hamba binatang**? Inilah maka tuan tidak mahu menurut kata hamba. **Pada fikiran hamba jikalau binatang sekalipun, pada jalan yang baik itu, patutlah diturut katanya**. Sedangkan Nabi Allah Sulaiman itu menurut kata landak. Bagaimana maka tuan ini tidak mahu menurut kata hamba”.

(*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 71-72).

Petikan di atas secara tidak langsung menyatakan bahawa ‘penjelasan’ penting sebagaimana yang diutarakan oleh burung Bayan bahawa walau beliau hanya seekor ‘binatang’ namun pendapatnya sangat relevan untuk diambil perhatian sehingga disinonimkan dengan kisah Nabi Sulaiman.

Al-Quran menerusi ayat 13 dalam Surah Luqman dinyatakan bagaimana Luqman masih lagi memantau perkembangan anaknya dengan memberi pelbagai nasihat tanpa jemu. Ini menepati kaedah ‘perhatian’ sebagai salah satu adab dalam berkomunikasi menurut Surah Luqman. Berdasar Surah Luqman, ibubapa sewajarnya memberi perhatian dengan meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak bagi mewujudkan hubungan mesra dan erat dengan mereka. Menerusi ‘perhatian’ inilah, anak-anak tidak akan berasa tersisih sehingga memerlukan mereka mencari perhatian daripada individu yang lain. Meneliti *Hikayat Khoja Maimun*, mendapati adab berkomunikasi yang menekankan kepada ‘perhatian’ menyebabkan Bibi Zainab teruja sehingga bertangguh-tangguh untuk berjumpa dengan kekasihnya. Inilah ‘perhatian’ yang diberi oleh burung Bayan kepada Bibi Zainab yang merupakan kaedah penting bagi merelevankan komunikasi berkesan. Ini bermakna menerusi ‘perhatian’, seorang wanita yang sangat merindui kasih-sayang suaminya sehingga hampir menghampiri pezinaan dapat diselamatkan secara berhemah seperti petikan di bawah:

**“Pada bicara hamba, baik juga tuan segera pergi. Janganlah tuan takut, tiada akan tuan in beroleh malu, In shaaAllah hambalah bicarakan ia. Janganlah syak hati”.** (Ceritera kedua, hal. 16)

Frasa “In shaaAllah hambalah bicarakan ia. Janganlah syak hati” inilah yang merujuk kepada ‘perhatian’ sebagaimana diidam-idamkan oleh Bibi Zainab. ‘Perhatian’ yang berbentuk tumpuan dengan penuh kasih-sayang ini merupakan satu faktor penting yang membenarkan pujukan dilaksana dengan jayanya. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa, ayat yang menjurus ‘perhatian’ kepada subjek dalam adab berkomunikasi merupakan elemen utama yang sering dilupakan, Nyata, teks *Hikayat Khoja Maimun* tanpa disedari terlebih dahulu menentengkannya untuk menjadi ikhtibar kepada khalayak pembaca dalam mencapai urusan komunikasi yang berkesan.

Manakala adab berkomunikasi yang terakhir dalam Surah Luqman adalah ‘pemilihan Idola’. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Al-Quran bahawa anak-anak dilahirkan dalam keadaan suci bersih seperti kain putih. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan acuan yang terbaik buat anak-anak mereka terutama mendapatkan keredhaan Allah SWT. Oleh itu, pemilihan idola ini amat penting agar anak-anak lebih mudah meniru dan mempraktikkannya dalam kehidupan mereka (Khairul Azhar Meerangani 2017). Menerusi ayat 15 dalam Surah Luqman dinyatakan betapa Luqman menanamkan kepentingan untuk mengikuti jalan individu yang kembali kepada Allah sebagaimana yang dinyatakan iaitu, “Dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu”. Maka, pemilihan teman dan persekitaran yang baik juga sangat memainkan peranan dalam membentuk peribadi anak-anak. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap ibu bapa untuk menyediakan model ikutan terbaik agar dapat dijadikan tauladan kepada golongan ini. Kecuaian dalam aspek ini boleh mengakibatkan anak-anak bakal terjebak dengan persekitaran dan lingkungan yang buruk sehingga mampu mempengaruhi akhlak mereka. Berdasarkan *Hikayat Khoja Maimun*, didapati adab berkomunikasi yang menekankan kepada ‘pemilihan idola’ dinyatakan daripada awal apabila burung Bayan sentiasa menasihati Bibi Zainab sehinggalah diakhirinya dengan terbatalnya hasrat Bibi Zainab untuk berlaku curang kepada suaminya. Inilah sahabat sejati yang seharusnya dijadikan idola walau pada awalnya terpaksa menggunakan puji-pujian untuk menghadapi gejolak nafsu sahabatnya (Bibi Zainab) secara bijaksana. Petikan di bawah ini membuktikan pernyataan ini iaitu:

“Hai batu kepada hamba yang beriman lagi sempurna budi bicara dan bijaksana. **Adakah hamba melarang tuan hamba**, berkenankah hamba duduk menyusahkan tuan pergi **kerana sebab hamba binatang?** Inilah maka tuan tidak mahu menurut kata hamba. **Pada fikiran hamba jikalau binatang sekalipun, pada jalan yang baik itu, patutlah diturut katanya”.**

(*Hikayat Khoja Maimun* 2000: 71-72)

## Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan karya dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional yang berada dalam genre Sastera Hikayat iaitu *Hikayat Khoja Maimun*. Walau para pelakunya yang terdiri daripada individu yang telah dewasa, namun jalan ceritanya amat menarik untuk ditonjolkan dan dihidupkan semula terutamanya buat kanak-kanak. Secara tidak langsung, golongan muda ini terus terpelihara adabnya sambil mendapat pengajaran yang berhikmah daripada sastera hikayat ini. Kajian dapat mencapai semua objektif yang digariskan dengan satu rumusan bahawa adab berkomunikasi sangat penting diterapkan seawal usia kanak-kanak. Menerusi komunikasi yang beradab, segala urusan dapat dilalui dengan mudah dan menemui

kejayaan. Apatah lagi, kanak-kanak sebagai pewaris generasi akan datang perlu dipupuk minda dan adab sedari kecil bak kata pepatah, 'Melentur buluh biarlah daripada rebungunya'. Inilah yang cuba dibuktikan dalam *Hikayat Khoja Maimun* sebagai salah sebuah karya dalam Sastera Hikayat yang berfungsi bukan sahaja memberi pengajaran tetapi menghibur khalayaknya. Justeru, sudah sampai masanya bahan bacaan kanak-kanak di Malaysia ini digantikan dengan khazanah yang diwarisi sejak turun-temurun dan bukannya bergantung kepada folklor Barat yang jauh menyimpang daripada adab ketimuran apatah lagi nilai-nilai keislaman. Rentetan daripada itulah, masyarakat perlu kembali kepada khazanahnya sendiri, berfikir dan bertindak mengikut tatacara yang diatur oleh intelektual terdahulu agar definisi 'sastera' sebagai bahasa yang indah serta karya yang bermanfaat dapat mencapai matlamat asal penulisannya.

### Rujukan

Al-Quran.

- Abdullah H. Musa Lubis. (Ed.). (1965). *Hikayat Musang Berjanggal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdul Hafiz Mat Tuah, Zakaria Stapa dan Ahmad Munawar. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu Muslim Menerusi Pendidikan Islam dan Pengajaran Akhlak. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 23-35.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1966). *Pengantar Sastera*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdul Rahman Kaeh. (2000). *Hikayat Khoja Maimun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Ahmad (2003), *Kuliyah Tafsir Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rauf Dalip. (1985). *Peranan Guru Agama dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The Concept of Education in Islam : A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2001). *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Anuar Puteh. (2001). Perkembangan dan Pembentukan Remaja Menurut Perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 19 (2), 79-101.
- Anderson, N.A. (2012). *Elementary Children's Literature: Infancy through Age 13*. Boston: Pearson Education.
- Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi. (2011). Pembentukan Emosi Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 66-89.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Lily Salwani Razali. (2011). Fenomena Sosial dalam Cerita Rakyat Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2 (1), 138-151.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72-84.
- Braginsky, V.I. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views*. Leiden: KITLV Press.
- Faridah Samsudin. (2003). Masalah Penerbitan Buku Kanak-kanak. *Kertas kerja Seminar Terbitan Sastera Kanak-kanak*, 22 hingga 23 Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Farra Humairah dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif kepada Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35 - 51.

- Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ; Malay Language Education*, 6 (1), 52-63.
- Gamble, T.K. & Gamble, M.W. (2013). *Interpersonal Communication. Building Connections Together*. California: Sage Publications.
- Ghulam-Sarwar Yousof. (Ed.). (2004). *Encyclopedia of Malaysia, Vol 8, Performing Arts*. Singapura: Archipelago Press.
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulong. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hunt, P. (Ed.). (1999). *Understanding Children Literature*. Routledge: London and New York.
- Izzah Abdul Aziz. (2000). Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja di Malaysia: Suatu Kenyataan atau Impian? *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*, 7 hingga 8 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Izzah Abdul Aziz dan Sandra Pragas Waran. (2001). Buku Bergambar: Langkah Pertama ke Alam Fantasi dan Realiti. *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja 2001*, 26 hingga 27 April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Jelani Harun. (2015). Raja Haji Yahya in the History of 20th Century Malay Literature. *Malay Literature*, 28 (1), 32-67.
- Khairul Azhar Meerangani. (2017). Kaedah Pembentukan Karakter Anak-Anak Menurut Islam: Analisis Surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan, Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka*.
- Khurshid Ahmad . (1978). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Landsberg, M. (1987). *Reading for the Love of It: Best Books for Young Readers*. New York: Prentice-Hall.
- Maddi, S.R. (1994). *Personality Theories: A Comparative Analysis*. California: Cole Publishing Company.
- Mahzan Arshad. (2006). Kajian tentang Bahan Sastera Kanak-kanak di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak*, 28 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Misran Rokimin. (2001). Sastera Kanak-kanak dan Remaja sebagai agem Pembangunan. *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak*, 26 hingga 27 April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- McClure, A.A, Garthwait, A. dan Kristo.J.V. (2014). *Teaching Children's Literature in an Era of Standards*. Boston: Pearson.
- Mohammad Ghozali dan Nor 'Azzah Kamri. (2015). Keperibadian Islam dan Profesionalisme dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah*, 23 (2), 255-286.
- Mohd. Sharif Mohd. Saad dan Alimah Salam. (2001). Pengisian dan Pengukuhan Sastera Kanak-kanak dan Remaja pada Alaf Baru. Peranan dan Cabaran Perpustakaan. *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak*, 26 hingga 27 April, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (2015). Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi* . 31 (2), 183-194.
- Nijhar, M.S. (1984). Apakah Sastera Kanak-kanak-Khasnya Buku Bergambar. Dlm. Othman Puteh dan Abdul Ahmad. (Eds.). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Awang Azman Awang Pawi dan Rahimah Hamdan. (2018). The Elements of Thinking in Archipelago's Fables from the Perspective of Children in the 21st Century. *Advanced Science Letters*, 24 (7), 4767-4769.
- Othman Puteh. (2000). Sastera Kanak-kanak dan Remaja dalam Konteks Pendidikan Era Globalisasi. *Kertas kerja Seminar Sastera Kanak-kanak*, 7 hingga 8 November, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Rahimah Hamdan dan Arba'ie Sujud. (2018). 'Duka Yang Bertakhta': Adab Pemerintah dalam Dua Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1, (1), 233-272.
- Rahimah Hamdan dan Siti Nor Harmiza Ibrahim. (2019). The Code of Conduct (Adab) For Rulers in Two Malay Masterpieces. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(5), 114–127.
- Ray, S. (1996) 'The World of Children's Literature: An introduction'. Dlm. Hunt, P. (Ed.). *International Companion Encyclopedia of Children's Literature*, London: Routledge.
- Reynolds, K. (2011). *Children's Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Safinah Ismail. (2018). Elemen Komunikasi Bapa dalam Surah Luqman. Proceeding of 4th International Conference on Islamiyyat Studies, Bandar Baru Bangi, Selangor, 18-19 September.
- Safinah Ismail, Rosmawati Mohammad Rasit dan Zulkefli Aini. (2019). Mesej Komunikasi Keluarga dalam Surah Luqman. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6 (1), 201-213.
- Salmah Ayob. (1981) Sastera Untuk Kanak-Kanak: Fungsi dan Implikasinya. *The Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 3 (1), 1-10.
- Samsudin A. Rahim. (2001). Media dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi*, 17, 67-80.
- Schultz, D. dan Schultz, S.E. (2001). *Theories of Personality*. USA: Wadsworth, Thomson Learning.
- Siti Zuhaidah Zakaria dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 185-205.
- Sulaiman Masri. (1984). Penulisan Bahan Bacaan Kanak-kanak. Dlm. Othman Puteh dan Abdul Ahmad. (Eds.). *Sekitar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thacker, D.C. dan Webb, J. (2002). *Introducing Children's Literature: From Romanticism to Postmodernism*. London: Routledge.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1995). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Mohd Naquib Al Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Winstedt, R.O. (1909). Musang Berjanggut. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 52 (Mac), 121-172.
- Winstedt, R.O. (1920). The Indian Origin of Malay Folk-Tales. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 82 (September), 119-126.
- Yusoff Zaky Yacob. (1979). *Ilmu Jiwa*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd.
- Zainudin Hashim, Fakhrul Adabi Abdul Kadir dan Yusmini Md. Yusoff. (2015). Pendekatan Hasan al-Banna dalam Pembangunan Insan menerusi Majmu'at al-Rasail. *Jurnal Hadhari*, 7 (2), 49-62.